

**PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN *NUN SAKINAH* DAN *TANWIN* DALAM
KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

**[*KNOWLEDGE AND MASTERY OF NUN SAKINAH AND TANWIN AMONG
STUDENTS OF UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)*]**

Nur Shafiqah Shahdan, Issraq Ramli

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, nur_shafiqah_ba20@iluv.ums.edu.my,
issraq@ums.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7240>

ABSTRAK

Al-Qur'an merupakan sebuah wahyu teragung yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan panduan kepada seluruh umat Baginda. Membaca al-Qur'an merupakan salah satu ibadah yang sangat dituntut dalam agama islam. Setiap umat islam diwajibkan untuk mempelajari, menghayati, mengamalkan dan memahami setiap perkara yang telah diwahyukan oleh Allah SWT dalam kitab tersebut. Dalam pembacaan al-Qur'an dengan bertajwid juga adalah wajib bagi umat islam untuk membaca al-Qur'an dengan sebutan yang betul. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan penguasaan *nun sakinah* dan *tanwin* dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual yang dijalankan kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Induk Kota Kinabalu, Sabah. Hasil dapatan kajian ini dibuat secara statistik deskriptif yang lebih cenderung kepada jumlah frekuensi dan peratusan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan penguasaan *nun sakinah* dan *tanwin* setiap responden yang terlibat.

Kata Kunci: Ilmu Tajwid, pengajian al-Qur'an; universiti awam Malaysia; pelajar pengajian Islam, tilawah

ABSTRACT

The Qur'an is the greatest revelation bestowed upon Prophet Muhammad (peace be upon him) as guidance for all mankind. Reciting the Qur'an is a highly encouraged act of worship in Islam. Every Muslim is obliged to learn, appreciate, practise, and understand all that has been revealed by Allah (SWT) in this sacred scripture. In the recitation of the Qur'an, observing the rules of tajwid is also obligatory, as Muslims are required to pronounce the Qur'anic text correctly. Therefore, this study was conducted to examine the level of knowledge and mastery of nun sakinah and tanwin among students of Universiti Malaysia Sabah (UMS). This research adopts a qualitative approach using interview methods conducted with students from the main campus of Universiti Malaysia Sabah in Kota Kinabalu, Sabah. The findings of the study are presented through descriptive statistical analysis, focusing on frequency counts and percentages to identify the level of knowledge and mastery of nun sakinah and tanwin among the respondents.

Keywords: Tajwid; Qur'anic Studies, Malaysian Public Universities, Islamic Studies Students, Qur'anic Recitation

PENGENALAN

Pendidikan yang dibahaskan di dalam al-Qur'an sangat besar dan meluas bagi setiap sudut ilmu. Al-Qur'an adalah sumber utama umat islam bagi menjadi seorang muslim yang berjaya di dunia mahupun di akhirat kelak. Al-Qur'an juga adalah kitab Allah dan dustur ummah, mendidik manusia menjadi seorang yang berwarganegara dengan baik atau pekerja yang mahir, berdedikasi serta menjadi seorang yang amanah dalam melakukan pekerjaan untuk mendapatkan redha Allah (Hajaratul Bahti,2012). Dalam mempelajari ilmu al-Qur'an untuk dijadikan petunjuk dalam kehidupan seorang manusia. Setiap muslim mempunyai peranan dalam membaca, memafahami, mentelaah, mengkaji, menguasai, dan mengimplimentasikan ilmu al-Qur'an dalam kehidupan. Hal ini adalah untuk mendapatkan rahmat dan redha Allah dalam setiap langkah yang dikerjakan di dunia ini.

Antara kaedah yang berkesan bagi memastikan seorang muslim itu mudah berdamping dan istiqamah dalam mempelajari al-Qur'an adalah dengan mempelajari ilmu tajwid dan keistimewaan al-Qur'an. Realitinya, ayat-ayat suci al-Qur'an perlu dibaca dengan tajwid yang betul. Tajwid adalah ilmu yang membincangkan tentang makhraj huruf dengan memenuhi sifat-sifatnya dan syarat-syarat dalam keadaan tertentu. Tajwid adalah elemen penting dalam membaca dan memahami al-Qur'an untuk mengelakkan atau melarikan pengertian al-Qur'an yang sebenar. Oleh itu, bagi setiap muslim perlu mempelajari ilmu tajwid bagi meningkatkan lagi pengetahuan dalam ilmu al-Qur'an serta membacanya dengan bacaan yang betul mengikut sifat-sifatnya.

NUN SAKINAH DAN TANWIN

a) Pengertian *Nun Sakinah* dan *Tanwin*

Nun sakinah adalah nun mati yang merupakan huruf nun yang tidak mempunyai harakat *fathah*, *kasrah* ataupun *dhammah*. *Nun sakinah* atau nun mati hanya mempunyai harakat atau tanda *sukun* manakala *tanwin* secara etimologi ialah berasal dari kata *nawwana* yang bermaksud menyuarakan. Dari segi istilah pula, *tanwin* adalah *nun sakinah* yang bertemu dengan akhir isim iaitu ketika wasal hanya tampak dalam bentuk suara dan ketika waqaf tidak terdapat dalam penulisan (Zulkarnaini Umar, 2020).

b) Pembahagian *Nun Sakinah* dan *Tanwin*

Nun sakinah dan *tanwin* adalah bab yang membincangkan tentang pertemuan nun mati dengan huruf-huruf hijahiyah. *Nun sakinah* dan *tanwin* bertemu dengan huruf-huruf hijahiyah dengan keadaan dan sifat serta bunyi tertentu mengikut kelompok masing-masing serta setiap huruf yang bertemu dengan nun mati akan mengeluarkan bunyi yang berbeza-beza. *Nun Sakinah* dan *tanwin* mempunyai lima bahagian seperti.

c) *Izhar Halqi*

Izhar ialah menjelaskan atau menerangkan manakala *halqi* ialah kerongkong. *Izhar halqi* adalah bacaan yang jelas dan terang yang keluar dari kerongkong. Terdapat enam huruf *izhar halqi* iaitu غ ع خ ح ه ء. Bacaan *izhar halqi* harus jelas tanpa ada harakat, pantulan, dan dengung.

d) Idgham Bighunnah

Idgham bighunnah ialah menyembunyikan atau memasukkan nun mati atau *tanwin* dengan memasukkannya pada huruf selepasnya dan dibaca dengan dengung. Huruf *idgham bighunnah* mempunyai empat huruf ialah ي ن م و.

e) Idgham Bilaghunnah

Idgham bilaghunnah adalah menyembunyikan nun mati dan *tanwin* dengan memasukkannya kepada huruf selepasnya dan dibaca tanpa dengung. Huruf bagi *idgham bilaghunnah* ialah huruf ل dan ر.

f) Iqlab

Iqlab adalah menukar dan mengganti suatu huruf kepada huruf yang lain. *Iqlab* akan berlaku sekiranya nun mati atau *tanwin* yang bertemu huruf *iqlab*. Huruf *iqlab* hanya ada satu huruf iaitu huruf ب.

g) Ikhfa Hakiki

Ikhfa' haqiqi ialah menjelaskan huruf dengan sifat diantara *izhar* dan *idgham* yang tersembunyi dari *tasydid* dengan mendengungkan huruf yang pertama. *Ikhfa' haqiqi* akan berlaku sekiranya nun mati atau *tanwin* bertemu dengan huruf *ikhfa' haqiqi* dan huruf bagi *ikhfa' haqiqi* adalah huruf selain huruf-huruf *izhar*, *idgham*, dan *iqlab*. Huruf *ikhfa haqiqi* ada 15 huruf iaitu ت ث ج د ذ ز س ش ص ض ط ظ ف ق ك. *Ikhfa' haqiqi* dibaca dengan samar dan memasukkan *makhraj* huruf selepasnya sehingga keluar bunyi “ng”.

KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Nun sakinah adalah huruf nun “ن” yang berbaris mati manakala *tanwin* adalah dua baris hadapan, bawah mahupun hadapan yang mempunyai huruf nun mati dalam bacaan dan bukan pada tulisan. *Nun sakinah* dan *tanwin* adalah salah satu hukum tajwid yang banyak digunakan di dalam al-Qur'an dan menjadi asas tajwid yang perlu dikuasai oleh setiap orang muslim.

Dalam konteks kajian Muhammad Zulazizi dan Muhammad Amirul menjelaskan bahawa hukum asas ilmu tajwid perlu dikuasai bagi mengelakkan generasi-generasi baharu terus menerus membaca al-Qur'an dengan bacaan yang salah. Beliau menjalankan kajian *Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid*. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengkaji sepuluh responden secara rawak daripada Pelajar Tingkatan 2 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Bukit Gantang, Perak. Kajian ini adalah untuk mengkaji pelajar dalam menguasai *nun sakinah* dan *tanwin* sebelum dan selepas menggunakan jari tangan kanan. Hasil daripada kajian ini, beliau mendapati bahawa untuk menguasai ilmu asas hukum tajwid perlu mempunyai kaedah dan bahan mudah untuk pelajar mahupun masyarakat islam dapat menguasai asas hukum tajwid tersebut. Tambahan lagi, dalam kajian beliau mendapati perbezaan yang agak ketara dari segi purata markah pelajar yang membaca al-Qur'an antara sebelum dan selepas mengetahui kaedah jari tangan kanan dalam mempelajari ilmu hukum asas tajwid.

Dalam kajian Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang@Husain, et.al (2012), yang telah membuat kajian tentang *Penguasaan Hukum Nun Sakinah Dalam Tilawah Al-Qur'an Pelajar-Pelajar Bermasalah Penglihatan di Malaysia*. Beliau melakukan kajian ini berbentuk tinjauan iaitu satu ujian bacaan yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar bermasalah penglihatan bagi menguji tahap penguasaan pelajar dalam membaca al-Qur'an dengan bertajwid. responden yang dipiliha dalam

kajian ini adalah daripada pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi. Hasil daripada kajian tersebut, pengkaji mendapat analisis penguasaan bacaan al-Qur'an dari aspek sebutan hukum *nun sakinah* mengikut pembahagian *nun sakinah* dan pangkatan dari rendah kepada yang tinggi. Secara keseluruhan, pengkaji mendapat analisis penguasaan tersebut dengan mendapat hasil yang sangat lemah dari aspek menguasai *nun sakinah* dan *tanwin* dalam pembacaan al-Qur'an. Pengkaji juga mendapat analisis tahap penguasaan bacaan hukum *nun sakinah* mengikut jenis kecatatan dan hasil kajian tersebut juga mendapat hasil yang sangat lemah dari segi pembacaan al-Qur'an dengan bertajwid. Pengkaji menjelaskan kajian ini dilakukan agar dapat mengenalpasti kelemahan responden agar dapat dibendung dan diperbaiki mengikut kelemahan masing-masing.

Zainora Daud, Shaharuddin Saad, Hayati Hussin (2018) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid: Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta di Selangor*. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti latar belakang para pelajar seta menganalisis tahap keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid di kalangan pelajar-pelajar sekolah tahfiz swasta. Kajian ini akan menumpukan kepada Sekolah-Sekolah tahfiz Swasta di Selangor. Metodologi kajian ini dijalankan dengan kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik yang diedar secara rawak dan disokong dengan data temubual yang diadakan. Analisis yang terdapat dalam kajian ini tentang tahap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Tajwid yang mempunyai dua elemen penting daripada perspektif pelajar iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid dan tahap penguasaan ilmu tajwid. Analisis ini mendapati bahawa domain pelaksanaan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid adalah sederhana tinggi serta domain untuk tahap kefahaman ilmu tajwid adalah tinggi.

Rashida Md Hasan, Nik Rosila Nik Yaacob, Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya (2015) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasohah dan Hukum Tajwid dalam Tilawah al-Qur'an Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal*. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pencapaian kelancaran dalam bacaan al-Qur'an murid Tahun 4, mengenalpasti pencapaian Fasohah(kefasihan dalam sebutan) dalam bacaan al-Qur'an murid tahun 4, mengenalpasti pencapaian aplikasi hukum tajwid dalam bacaan al-Qur'an murid Tahun 4 dan mengenalpasti pencapaian pengetahuan hukum tajwid dalam bacaan al-Qur'an murid tahun 4. Kajian ini dijalankan dengan pengumpulan data daripada ujian lisan yang diadakan. Kajian ini melibatkan 30 pelajar di sebuah sekolah rendah kebangsaan. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian kelancaran bacaan al-Qur'an dan aplikasi hukum tajwid dalam kalangan majoriti murid adalah pada tahap sederhana, pencapaian dari segi fasohah(kefasihan dalam sebutan) adalah baik serta pencapaian pengetahuan hukum tajwid ialah tahap lemah. ahupun perempuan. Kedua, Islam juga memerintahkan kepada perempuan untuk menjaga pakaian iaitu menutup aurat yang mana menutup seluruh tubuh kecuali muka dan telapak tangan. Ketiga, Islam melarang perempuan untuk bermusafir kecuali ada mahram yang menyertainya. Akhir sekali, Islam melarang lelaki mahupun perempuan berkhawat iaitu berdua-duaan kecuali perempuan tersebut ditemani dengan mahramnya.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**Hasil kajian 1: Analisis Latar Belakang Responden**

Bil.	Kategori	Frekuensi
1	Umur:	
	19 tahun hingga 21 tahun	4
	22 tahun hingga 24 tahun	15
	25 tahun hingga 27 tahun	1
2	Jantina:	
	Perempuan	15
	Lelaki	5
3	Tahun pengajian:	
	Tahun Satu	6
	Tahun Dua	8
	Tahun Tiga	6
4	Fakulti:	
	Fakulti Pengajian Islam (FIS)	5
	Fakulti Kejuruteraan (FKJ)	1
	Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)	3
	Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI)	2
	Fakulti Perhutanan Tropika (FPT)	3
	Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP)	1
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	3
	Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)	1
	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)	1
5	Tahun Mula Membaca al-Qur'an:	
	Tadika	6
	Sekolah Rendah	12
	Sekolah Menengah	2
6	Khatam al-Qur'an:	
	Sudah pernah	25
	Belum	-

Hasil daripada temubual yang dijalankan, responden yang membantu menjayakan kajian ini adalah daripada golongan wanita yang berumur dalam lingkungan 22 tahun sehingga 24 tahun. Para responden juga diambil daripada fakulti yang berbeza dan tahun pengajian yang berbeza. Melihat kepada jadual 3.8, tahun mula membaca dan mempelajari bacaan al-Qur'an adalah pada waktu sekolah rendah iaitu dalam lingkungan umur 7 tahun sehingga 12 tahun dan kesemua responden sudah pernah dan telah berjaya khatam al-Qur'an.

Hasil kajian 2: Kajian tentang Bibliografi Pengetahuan dan Penguasaan Bacaan AL-Qur'an

a. Sejak bilakah kamu mula membaca al-Qur'an dan siapakah guru yang mengajar kamu mengaji al-Qur'an?

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati bahawa terdapat kesemua responden mempunyai jawapan yang berbeza tentang guru yang mengajar mengaji al-Qur'an. Daripada 20 orang responden, sembilan daripada keseluruhan responden

adalah belajar mengaji al-Qur'an dengan guru persendirian. Separuh daripada mereka menjelaskan guru persendirian mereka adalah guru mahupun ustaz ustazah di kampung halaman mereka. Ada yang mengatakan bahawa guru kerumah responden mahupun responden ke rumah guru. Sebahagian dari mereka juga ada yang menjelaskan bahawa guru persendirian yang dimaksudkan adalah guru-guru yang membuka kelas mengaji di surau yang berdekatan dengan kediaman responden. Selain itu, pengkaji mendapati juga terdapat enam daripada keseluruhan responden menjelaskan guru mengaji mereka adalah guru sekolah sahaja. Responden menjelaskan lagi bahawa guru sekolah yang dimaksudkan guru sekolah rendah yang mengadakan kelas al-Qur'an di sekolah. Adapun yang menjelaskan bahawa mereka bersekolah agama rendah yang sememangnya belajar mengaji al-Qur'an di sekolah serta mereka mengatakan bahawa mereka tidak mengaji al-Qur'an ditempat lain selain di sekolah. Terakhir, lebih daripada keseluruhan responden iaitu lima orang responden belajar mengaji al-Qur'an mahupun guru mengaji mereka adalah keluarga sendiri.

b. Sepanjang mengaji al-Qur'an bersama guru mengaji, adakah beliau menerangkan hukum tajwid *nun sakinah* dan *tanwin* ataupun beliau hanya menengur bacaan yang salah tanpa memberikan penerangan hukum tajwid?

Soalan kedua ini adalah sambungan bagi soalan satu bagi mendapatkan jawapan responden tentang pengajian al-Qur'an mereka yang seharusnya diselaraskan dengan hukum tajwid yang betul. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, terdapat sebahagian iaitu 10 orang responden mengatakan bahawa mereka mempelajari bacaan ayat al-Qur'an sekaligus dengan bacaan yang betul serta mempelajari dan mempraktikkan hukum tajwid sepanjang membaca al-Qur'an. Sebahagian daripada keseluruhan responden pula, menyatakan dan menceritakan bahawa guru mengaji mereka tidak mengajarkan hukum tajwid dalam bacaan al-Qur'an iaitu tidak menjelaskan nama hukum tersebut. Tetapi mereka mengatakan bahawa guru mengaji mereka hanya menegur bacaan yang salah dan memperbetulkannya tanpa menjelaskan nama hukum tersebut. Hal ini membuktikan bahawa tidak semua guru mengaji mahupun guru yang mengajarkan tentang bacaan al-Qur'an sekaligus menjelaskan kepada anak murid mereka tentang hukum tajwid secara terperinci.

c. Adakah kamu mempelajari ilmu tajwid di sekolah sahaja atau kamu pernah mengikuti kelas-kelas ilmu tajwid yang lain?

Dalam soalan ini pula, adalah untuk mengetahui golongan guru mengaji al-Qur'an yang tidak mengajarkan ilmu tajwid dalam pembelajaran berlangsung bagi mempraktikkan dan memberikan ilmu pengetahuan kepada anak murid tentang hukum-hukum tajwid yang perlu di amalkan semasa membaca al-Qur'an. Berdasarkan temu bual yang diadakan, pengkaji mendapati bahawa 15 orang daripada keseluruhan responden adalah mempelajari ilmu tajwid daripada silibus di sekolah sahaja. Responden mengatakan bahawa guru mengaji di rumah tidak menjelaskan hukum-hukum tajwid tersebut, mereka mengenali dan mempelajari ilmu tajwid secara terperinci semasa di sekolah sahaja. Lima orang responden pula menjelaskan bahawa mereka mempelajari ilmu tajwid di sekolah semasa waktu kelas iaitu subjek yang termasuk dalam silibus pendidikan islam serta mereka juga mempelajari ilmu tajwid dengan guru persendirian mereka semasa waktu mengaji al-Qur'an sehingga guru persendirian mereka menyediakan buku tajwid untuk mereka fahami dengan mudah.

d. Bilakah terakhir kali mempelajari ilmu tajwid?

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa responden mempunyai jawapan yang berbeza-beza. Terdapat 11 orang responden telah lama meninggalkan ilmu tajwid tersebut. Responden mengatakan bahawa mereka terakhir kali mereka mempelajari ilmu tajwid adalah semasa berada di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Setelah habis waktu persekolahan pun, mereka tidak mengulangi secara terperinci tentang hukum-hukum tajwid yang menyebabkan mereka lupa pembahagian, nama-nama hukum tajwid serta ada yang mengatakan bahawa timbulnya kekeliruan semasa membaca al-Qur'an. Selain daripada itu, terdapat sembilan orang responden pula masih mempelajari ilmu tajwid tersebut semasa di universiti kini. Hal yang diterangkan adalah kerana ilmu tajwid termasuk dalam silibus kursus yang diikuti seperti pelajar Fakulti Pengajian Islam yang mempunyai subjek kursus tentang hukum tajwid. Sebahagian daripada mereka pula, mempelajari ilmu tajwid daripada program-program yang diadakan. Program tersebut tentang *Hukum-Hukum Tajwid: Nun sakinah dan Tanwin* yang dianjurkan oleh Pusat Islam UMS dan ada juga yang mempelajari ilmu tajwid daripada kelompok-kelompok kecil usrah di masjid UMS.

e. Sepanjang berada dalam pengajian universiti, adakah kamu pernah mengikuti program ilmu tajwid secara langsung mahupun di dalam media komunikasi kini atau telah lama tidak mengulangkaji pembelajaran tajwid?

Hasil dapatan bagi soalan terakhir ini, pengkaji mendapati bahawa lapan orang responden pernah mengikuti perkongsian mahupun tazkirah yang dilakukan oleh pendakwah bebas tentang hukum tajwid di sosmed. Sebahagian daripada responden ini menjelaskan bahawa mereka selalu mengikuti dan menonton video pendek tentang pembahagian hukum tajwid yang dimuatnaik dalam aplikasi tiktok daripada pelbagai pemberi perkongsian. Adapun daripada mereka yang selalu mengikuti kelas online tentang tajwid di *facebook* yang diadakan secara terbuka. Manakala, 12 orang responden yang lain pula tidak pernah mengikuti mahupun melihat video-video pendek serta kelas online yang diadakan secara terbuka yang terdapat dalam sosmed. Responden bagi kelompok ini menjelaskan bahawa mereka tidak memfokuskan media sosial mereka dengan mempelajari ilmu-ilmu tajwi dan dalam media sosial mereka tidak pernah lalu tentang pengajian hukum tajwid.

Hasil kajian 3: Analisis Tahap Pengetahuan *Nun sakinah* dan *Tanwin* dalam Bacaan al-Qur'an.

Data kajian yang diperolehi dalam bahagian ini adalah berdasarkan jadual 4.9 dan rajah 4.7 di atas menunjukkan tahap pengetahuan pelajar UMS tentang *nun sakinah* dan *tanwin* dalam bacaan al-Qur'an bagi setiap responden. Berdasarkan temubual yang dijalankan, pengkaji telah memberikan tiga tahap iaitu sederhana, baik dan rendah. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji untuk mengetahui tahap pengetahuan responden tentang *nun sakinah* dan *tanwin* dalam bacaan al-Qur'an. Hasil dapatan menunjukan bahawa terdapat 10 orang responden dengan peratusan sebanyak 50% mendapati tahap sederhana dalam membaca hukum *nun sakinah* dan *tanwin* dengan betul. Manakala, 10 orang responden yang lain dengan peratusan 50% juga mendapati tahap baik dalam membaca potongan ayat al-Qur'an tersebut dengan hukum bacaan *nun sakinah* dan *tanwin* dengan betul. Hal ini dapat membuktikan bahawa peratusan bagi tahap para responden yang terlibat dengan kajian ini mampu untuk membaca serta mengenal cara bacaan yang betul tentang *nun sakinah* dan *tanwin*.

Hasil Kajian 4: Analisis Tahap Penguasaan *Nun Sakinah* dan *Tanwin* Dalam Kalangan Pelajar UMS.

Data kajian yang diperolehi dalam bahagian ini adalah merujuk jadual 4.9 dan rajah 4.7 di atas menunjukkan tahap pengetahuan pelajar UMS tentang *nun sakinah* dan *tanwin* dalam bacaan al-Qur'an bagi setiap responden. Berdasarkan temubual yang dijalankan, pengkaji telah memberikan tiga tahap iaitu sederhana, baik dan rendah. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji untuk mengetahui tahap pengetahuan responden tentang *nun sakinah* dan *tanwin* dalam bacaan al-Qur'an. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat 10 orang responden dengan peratusan sebanyak 50% mendapati tahap sederhana dalam membaca hukum *nun sakinah* dan *tanwin* dengan betul. Manakala, 10 orang responden yang lain dengan peratusan 50% juga mendapati tahap baik dalam membaca potongan ayat al-Qur'an tersebut dengan hukum bacaan *nun sakinah* dan *tanwin* dengan betul. Hal ini dapat membuktikan bahawa peratusan bagi tahap para responden yang terlibat dengan kajian ini mampu untuk membaca serta mengenal cara bacaan yang betul tentang *nun sakinah* dan *tanwin*.

IMPLIKASI DARI DAPATAN KAJIAN

Sepanjang kajian ini dijalankan, pengkaji mendapat beberapa kesan sampingan yang terdapat bagi seorang pengkaji dan daripada pihak responden yang terlibat. Pengkaji tidak menafikan bahawa setiap kajian yang dijalankan akan memberikan kesan terhadap individu-individu yang terlibat.

Dalam sesi temu bual yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden mendapat kesedaran bahawa pembelajaran ilmu tajwid adalah penting bagi seorang pelajar muslim. Hal ini kerana semasa menjalankan kajian terdapat responden yang menanyakan soalan tentang hukum mempelajari tajwid al-Qur'an malah terdapat juga responden yang menanyakan tentang hukum membaca al-Qur'an dengan bacaan yang salah dengan sengaja atau tidak sengaja serta responden menanyakan soalan tentang kepentingan mempelajari ilmu tajwid dan mempraktikkan dalam pembacaan al-Qur'an. Justeru itu, kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada responden tentang kepentingan ilmu tajwid.

Sehubungan dengan itu, semasa sesi temu bual yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa terdapat majoriti responden mengulangkaji ilmu tajwid dalam bab *nun sakinah* dan *tanwin*. Hal ini kerana setelah sesi temu bual berakhir, responden meminta pengkaji untuk menerangkan secara ringkas mengenai *nun sakinah* dan *tanwin*. Malah terdapat daripada golongan responden yang menulis nota ringkas semasa pengkaji memberikan penerangan dan perkongsian ringkas mengenai pembahagian-pembahagian dan cara-cara bacaan bagi *nun sakinah* dan *tanwin*. Oleh yang demikian, kajian ini secara tidak langsung memberi sedikit ruang kepada responden untuk mengulangkaji ilmu tajwid al-Qur'an iaitu hukum bacaan *nun sakinah* dan *tanwin*.

Terakhir, sepanjang kajian ini dijalankan pengkaji juga mendapatkan implikasi daripada kajian. Pengkaji mendapat kesedaran bahawa seorang pelajar yang mengambil jurusan pengajian islam seharusnya mempunyai peranan dalam membantu rakan lain untuk mengulangkaji ilmu-ilmu tajwid dan membantu dalam memperbaiki bacaan al-Qur'an mereka. Pengkaji menyedari bahawa pelajar pengajian islam perlu lebih aktif dengan memperbanyakkan aktiviti, program

mahupun mengadakan kelas pengajian al-Qur'an kepada semua pelajar yang ingin memperbaiki dan memperelokkan bacaan al-Qur'an. Justeru itu, impak yang terkesan bukan sahaja kepada responden tetapi kesan daripada kajian yang dijalankan juga terdapat dalam diri seorang pengkaji.

KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat tahap penguasaan dan pengetahuan pelajar-pelajar UMS mengenai *nun sakinah* dan *tanwin* yang menjadi asas ilmu tajwid dalam pembacaan al-Qur'an. Sekiranya asas juga tidak dikuasai dengan baik, akan memberikan kesan kepada ilmu-ilmu tajwid yang lain dalam pembacaan al-Qur'an.

Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengkaji tahap pengetahuan dan penguasaan pelajar UMS adalah secara tidak langsung memberikan kesedaran kepada mereka tentang pentingnya ilmu tajwid dalam pembacaan al-Qur'an. Sehubungan dengan itu, para pengkaji akan datang mahupun para-para pendakwah dapat melihat bahawa tahap penguasaan dan pengetahuan bagi pelajar-pelajar university khususnya di Universiti Malaysia Sabah sangat membimbangkan. Justeru itu, pengkaji akan datang ataupun para pendakwah memberikan metode bagi membendung dan memperbaiki isu tersebut dengan cara-cara dan kaedah-kaedah yang sesuai bagi mengelakkan kepupusan ilmu tajwid dalam pembacaan al-Qur'an serta melahirkan seorang mahasiswa dan mahasiswi mahupun generasi islam muda yang tidak mempunyai semangat dan pelajaran dalam menjaga ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'an. Justeru itu, pengkaji menyeru semua individu muslim mengambil peranan dan tanggungjawab dalam hal-hal sedemikian yang kini dianggap remeh.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. (2006). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Qur'anul Kareem & terjemahannya. (2012). Pustaka Darul Iman.
- Andrianop, N. (2022). *Pemahaman ilmu tajwid di kalangan mahasiswa Ilmu al-Qur'an dan Tafsir Fakultas Ushuluddin dan Pemikiran Islam UIN Raden Fatah Palembang* (Undergraduate thesis). Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat, & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. (2011). Tahap pembacaan al-Qur'an dalam kalangan pelajar UiTM Terengganu. [Nama jurnal/prosiding jika ada].
- Hamir Hamzah Jaafar, & Mohamad Hilmi Mat Said. (2019). Inovasi pengajaran untuk menarik minat pelajar menguasai ilmu tajwid. *Journal of Humanities Technology and Civilization*, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang.
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, & Ab. Halim Tamuri. (2012). Penguasaan hukum *nun sakinah* dalam tilawah al-Qur'an pelajar-pelajar bermasalah penglihatan di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irham Razif, Lusi Agustianti, Mochamad Ridho Fergiwani, & Muhammad Bary Allawi. (2018). *Memahami metode analisis data kuantitatif I*. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati.
- Kamus Dewan (Edisi ke-3). (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (Edisi ke-4). (n.d.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki, & Sun Chairol Ummah. (2020). *Dasar-dasar ilmu tajwid*. DIVA Press.

- Muhammad Syukri Zahari, Amnah Saayah Ismail, Daud Salleh, & Muntaha Salleh. (2020). Kepentingan tajwid dan kesannya terhadap bacaan al-Qur'an. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, & Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Meningkatkan kemahiran mengingat lima hukum asas tajwid dalam tilawah al-Qur'an. *Journal of Humanities and Social Sciences*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkarnaini Umar. (2020). *Panduan ilmu tajwid praktis*. UIR Press.